

## ANALISIS PENISBAHAN *RISĀLAH AL-NAWAWĪ FĪ KALĀM ALLĀH* KEPADA MUHYĪ AL-DĪN AL-NAWAWĪ

*An Analysis Of The Attribution of Risālah al-Nawawī fī Kalām Allāh to Muhyī al-Dīn al-Nawawī*

Mohd Saiful Aqil Naim Saful Amin\*

### ABSTRACT

*Muhyī al-Dīn Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī (d. 676 H) is a figure of the al-Ash'arī school who is known for his expertise in jurisprudence and hadith. This can be seen through the pile of works he left for the Muslims after him, such as Sharh Ṣahīh Muslim and al-Majmū'. His greatness in sharī'ī knowledge across fields of knowledge is a matter agreed upon by the people so that he deserves to be called 'mutafannin/polymath'. However, there is a treatise entitled 'Risālah al-Nawawī fī Kalām Allāh' which talks explicitly about the issue of the attribute of Allah's kalam, which is tried to be attributed to him as an argument that he left the al-Ash'arī school. Although it is doubtful, some contemporary scholars still try to prove the work's authenticity. Therefore, this study was written to comment on and analyse the treatise to fulfil the knowledge and academic responsibility. This qualitative study uses the method of literature review and related document analysis as well as comparative research to identify the facts by comparing the content of the treatise and al-Nawawī's other works. The study found that the treatise's attribution to al-Nawawī is*

---

\* PhD Candidate, Department of Aqidah & Islamic Thought, Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya (UM), 50603 Kuala Lumpur, Malaysia, [mohdsaifalsiddiqi01@gmail.com](mailto:mohdsaifalsiddiqi01@gmail.com).

*doubtful and does not deserve to be attributed to him based on various evidence and arguments. This study also concludes that the claim that he left the al-Ash'arī sect at the end of his life based on the treatise is untrue.*

**Keywords:** *Al-Nawawī; Islamic Creed; Al-Ash'arī; Attribution of Risālah al-Nawawī fī Kalām Allāh.*

## PENDAHULUAN

Sosok tubuh yang bernama Muhyī al-Dīn Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī (w. 676 H) merupakan ilmuan Islam yang dikenali seantero dunia Islam sejak berzaman. Beliau dilahirkan pada bulan Muharram pada tahun 631 H di perkampungan Nawa sekali beliau digelar “*Al-Nawawī*”<sup>1</sup> sebagai pernisbahan kepada tempat tersebut. Gelaran beliau “*Muhyī al-Dīn*” yang bermaksud ‘insan yang menghidupkan agama’ merupakan tanda ketinggian khidmat beliau terhadap umat Islam.<sup>2</sup> Pujian spesifik diberikan oleh Shams al-Dīn Muḥammad bin ‘Abd al-Rahmān al-Sakhawī (w. 902 H) dalam kitab beliau *al-Manhal al-‘Adhub al-Rawī fī Tarjamah Quṭb al-Awliyā’ al-Nawawī* dengan menyifatkan beliau sebagai *Shaykh al-Islām* (syeikh bagi umat Islam) dan *Quṭb al-Awliyā’* (pemimpin bagi para wali Allah di zamannya).<sup>3</sup> Tanpa syak lagi, pujian tersebut merupakan pengiktirafan al-Sakhawī terhadap dua sisi penting bagi al-Nawawī iaitu:

- i. Sisi keilmuan jelas dilihat melalui gelaran *Shaykh al-Islām*. Ia mempamerkan penguasaan beliau dalam kesemua bidang ilmu Islam seperti akidah, fiqh dan tasawuf.

---

<sup>1</sup> ‘Alī bin Ibrāhīm al-‘Aṭṭār, *Tuhfah al-Tālibīn fī Tarjamah al-Imām Muhyī al-Dīn*, (Amman: Dār al-Athāriyyah , 2007.), 39.

<sup>2</sup> *Ibid.*, 141.

<sup>3</sup> Muḥammad, bin ‘Abd al-Rahmān al-Sakhawī, *al-Manhal al-‘Adhub al-Rawī fī Tarjamah Quṭb al-Awliyā’ al-Nawawī*, (t.tp: Waqfiyyah al-’Amīr Ghāzī li al-Fikr al-Qur’ānī, t.t.), 2.

- ii. Sisi kerohanian jelas dilihat melalui gelaran *Quṭb al-Awliyā'*. Ia mempamerkan keperibadian dan sahsiah yang tinggi terhadap Tuhan dan sesama makhluk.<sup>4</sup>

Tidak memadai dengan pujian semata, kesemua sifat yang dipuji ilmuwan terhadap al-Nawawī dapat dibuktikan melalui lambakan penulisan yang beliau tinggalkan kepada umat setelahnya. Karyanya pula tidak terhad kepada satu ruang lingkup ilmu seumpama syariah dan hadith sahaja, bahkan merentasi segenap bidang termasuklah bidang akidah. Beliau layak digelar sebagai ulama yang *mutafannin/ensiklopedik/polymath*-iaitu sarjana yang menguasai lebih daripada 3 cabang ilmu.<sup>5</sup>

Disebalik timbunan karya di dalam gedung keilmuan al-Nawawī, terdapat pihak yang cuba menisbahkan sebuah buku yang secara khusus menyentuh dimensi perbahasan sifat kalam Allah yang didakwa ditulis bernuansakan mazhab salaf. Risalah tersebut berjudul *Risālah al-Nawawī fī Kalām Allāh*.<sup>6</sup> Dakwaan ini menimbulkan suatu polemik ilmiah terutamanya dalam kancah perdebatan intra-Islam yang melibatkan dua mazhab ataupun aliran pemikiran yakni antara al-Ashā'irah dan juga al-Salafiyyah. Hal ini demikian kerana sebahagian tokoh al-Salafiyyah seperti Ṣādiq Muḥammad al-Bayḍānī<sup>7</sup> dan Aḥmad ‘Alī al-Dimyāṭī<sup>8</sup> mengisbatkan penisbahan kitab tersebut kepada al-Nawawī. Kitab tersebut menjadi asas kepada dakwaan bahawa al-Nawawī bertaubat daripada akidah al-Ashā'irah di akhir hayatnya dan

---

<sup>4</sup> Mohd Saiful Aqil Naim Saful Amin al-Ṣiddīqī, *Huraian dan Syarah ‘Aqīdah Ahli Sunnah Di Sisi al-Imām al-Nawawī*, (Kuala Lumpur: Nizamiyyah Institute, 2022.), 1-2.

<sup>5</sup> Amir, Ahmad Nabil. “Imam Al-Nawawi: Riwayat Ringkas Tentang Latar Pemikiran Dan Pengaruhnya.” *Journal of Islam and Contemporary Affairs* 2, no. 1 (2022).

<sup>6</sup> Selepas ini akan dirujuk sebagai *Risālah al-Kalām*.

<sup>7</sup> Dinyatakan oleh al-Bayḍānī dalam salah satu pengajian beliau. Rujuk *Hal Tarāja'a an al-Madhhab al-Ashā'irī wa Mā Šiħat Nisbah Kitāb Juz'* fī Mas'alah al-Kalām wa Ithbāt al-Šawt wa al-Ḥarf laḥ, laman sesawang YouTube, diakses 9 November 2023, <https://youtu.be/fqhvAf1HR3g?si=WQnwS86A8f1m-ihd>

<sup>8</sup> Al-Dimyāṭī telah melakukan kajian manuskrip terhadap kitab tersebut dan beliau meyakini ianya merupakan hasil penulisan al-Nawawī. Rujuk Abū Zakāriyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī (!), *Risālah al-Nawawī fī Kalām Allāh*, ed. Aḥmad bin ‘Alī al-Dimyāṭī, (Kaherah: Maktabah al-Anṣār, 2003.), 10-14.

memilih mazhab salaf berdasarkan interpretasi pendakwa. Reaksi kepada dakwaan tersebut, sebahagian ilmuwan daripada al-Ashā'irah semisal Sa'īd 'Abd al-Laṭīf Fūdah<sup>9</sup> dan juga Khalīl Ismā'īl Ilyās al-'Irāqī<sup>10</sup> membantah dakwaan ini.

Melihat kepada keperluan untuk menyingkap kebenaran mengenai mazhab akidah al-Nawawī yang sebenar, kajian yang berorientasikan kajian kualitatif ini ditulis bagi memastikan kebenaran penisbahan *Risālah al-Nawawī fī Kalām Allāh* berpaksikan metode kajian kepustakaan. Ia melalui penelaahan isi kandungan kitab tersebut serta karya lain dan ulasan ilmuwan yang berkaitan. Kajian ini bersifat komparatif melalui perbandingan antara isi kandungan kitab tersebut. Tumpuan turut diberikan kepada karya al-Nawawī bagi memastikan kesahihan penisbahan kitab tersebut.<sup>11</sup>

## LATAR BELAKANG RISĀLAH AL-NAWAWĪ FĪ KALĀM ALLĀH

Dalam membekalkan gambaran umum mengenai risalah ini, pengkaji menggunakan risalah yang sudah ditahkik oleh Alī al-Dimyātī dan diterbitkan pada tahun 2003 oleh Maktabah al-Anṣār. Menurutnya, beliau menggunakan manuskrip yang disalin pada tahun 676 H yang mengandungi sebanyak 44 muka surat<sup>12</sup>. Namun begitu, al-Dimyātī tidak menjelaskan dengan terperinci mengenai asal bagi manuskrip tersebut dan juga siapakah penyalin asal (*nāsikh*) serta bukti kesabitan nisbah manuskrip itu kepada al-Nawawī. Di samping itu, pengkaji juga menggunakan sebuah manuskrip yang disimpan di bahagian manuskrip *Maktabah Jāmi'ah al-Riyād* yang mengandungi sebanyak 37 halaman.

<sup>9</sup> Beliau menulis sebuah makalah untuk mengkritik penisbahan karya tersebut. Rujuk Sa'īd 'Abd al-Laṭīf Fūdah, *Naqd Juz' fī Qidam al-Hurūf al-Mansūb li al-Imām al-Nawawī*, (t.t.p: t.p, t.t.p.), 3-20.

<sup>10</sup> Dinyatakan beliau dalam mukadimahnya bagi buku Syarah Aqidah Imam al-Nawawi. Rujuk Mohd Saiful Aqil Naim Saful Amin al-Šiddīqī, *Huraian dan Syarah 'Aqīdah Ahli Sunnah Di Sisi al-Imām al-Nawawī*, xvii.

<sup>11</sup> Memandangkan penisbahan kitab tersebut diragui dan ditolak pengkaji, pengkaji akan meletakkan tanda (!) di nota kaki ketika rujukan sebagai simbol yang menunjukkan keraguan penisbahan kitab tersebut kepada al-Nawawī.

<sup>12</sup> Abū Zakāriyyā Yahyā bin Sharaf al-Nawawī (!), *Risālah al-Kalām*, 11.

Menurut penyusun indeks (*mufahris*) manuskrip ini, ia disalin pada kurun ke-12 H.

Secara umumnya, kitab tersebut mempunyai dua bahagian iaitu bahagian akidah sifat kalam Allah dan bahagian mengenai kelebihan al-Quran berdasarkan *al-Tibyān*. Menurut penulis asal kitab ini, ia ditulis bagi menjelaskan polemik akidah besar yang melanda mereka berkenaan perbincangan kalam Allah yang diapi-apikan oleh ahli bid‘ah.<sup>13</sup> Sebagai respon terhadap polemik tersebut, penulis asal yang didakwa sebagai al-Nawawī menukilkan isi kandungan sebuah kitab yang berjudul *Ghāyah al-Marām fī Mas’alah al-Kalām* Abū al-‘Abbās Aḥmad bin al-Ḥasan al-Urmawī al-Shāfi‘ī. Demikian itu, bahagian pertama kitab ini sepenuhnya dinukilkan daripada tulisan al-Urmawī tersebut dan didakwa bahawa al-Nawawī menerima isi kandungan karya ini.

Kitab tersebut mempunyai 18 fasal. 7 fasal daripadanya berkenaan perbincangan akidah kalam Allah. Ia seperti berikut:

- i. Fasal berkenaan huruf dan kekadimannya.
- ii. Fasal berkenaan kalam Allah.
- iii. Fasal berkenaan pengisbatan huruf kepada Allah.
- iv. Fasal berkenaan pengisbatan suara kepada Allah.
- v. Fasal berkenaan pembacaan merupakan apa yang dibaca dan penulisan merupakan apa yang ditulis.
- vi. Fasal berkenaan kalam Allah itu didengari.
- vii. Fasal berkenaan hadith yang menguatkan keyakinan kalam Allah itu didengari.
- viii. Fasal berkenaan kewajipan mengagungkan al-Quran.
- ix. Fasal berkenaan pengharaman mentafsir tanpa ilmu.
- x. Fasal berkenaan pengharaman berdebat mengenai al-Quran tanpa hak.
- xi. Fasal berkenaan tidak menghalang orang kafir daripada mendengar al-Quran namun melarangnya daripada menyentuhnya.
- xii. Fasal berkenaan menulis al-Quran pada bekas lalu dijadikan air dalamnya untuk mandi dan minum bagi orang yang sakit.
- xiii. Fasal berkenaan menulis al-Quran di pintu.

---

<sup>13</sup> Al-Nawawī (!), *Risālah al-Kalām*, 15.

- xiv. Fasal berkenaan sunat menulis mushaf.
- xv. Fasal berkenaan tidak boleh menulis al-Quran dengan najis.
- xvi. Fasal berkenaan wajib menjaga dan menghormati mushaf.
- xvii. Fasal berkenaan pengharaman orang yang berhadas untuk menyentuh mushaf.
- xviii. Fasal berkenaan larangan menganggung mushaf bagi kanak-kanak dan orang gila.

Menurut al-Dimyāṭī selaku pentahkik kitab tersebut, kitab ini antara karya al-Nawawī yang hilang ditelan waktu dan tidak ditemui sehingga hari ini. Beliau mendakwa buku ini ditulis oleh al-Nawawī pada 3 Rabī‘ al-Akhīr 676 H. Berpaksikan atas ini, al-Baydānī mendakwa al-Nawawī bertaubat dan meninggalkan mazhab akidah al-Ashā‘irah di akhir hayatnya.<sup>14</sup>

Kajian ini hanya berfokuskan pada bahagian pertama iaitu bahagian akidah yang mengandungi tujuh fasal tersebut kerana ia merupakan topik utama kajian ini serta tumpuan untuk mengetahui pendirian sebenar akidah al-Nawawī.

## **MAZHAB AKIDAH MUHYĪ AL-DĪN AL-NAWAWĪ**

Rentetan daripada fokus utama kajian ini, pengkaji akan menjelaskan terlebih dahulu mazhab akidah al-Nawawī. Oleh itu, penulis akan membawa ucapan al-Nawawī sendiri yang menunjukkan mazhab akidahnya. Seandainya terdapat fakta dalam risalah tersebut yang bercanggah dengan ucapan al-Nawawī sendiri, maka ia wajar diselidik dan diteliti terlebih dahulu sebelum mengakui kesahihannya.

Untuk menjelaskan perihal mazhab akidah al-Nawawī, sumber utama yang dijadikan sebagai rujukan ialah syarah beliau sendiri terhadap *Sahīh*. Kitab ini merupakan karya teragung beliau dalam bidang ilmu hadith. Walaupun begitu, kitab ini juga turut menyumbang kepada perkembangan segenap bidang ilmu seperti akidah, fiqh dan lainnya.

---

<sup>14</sup> Hal Tarāja ‘a ‘an al-Madhhab al-Ash‘arī wa Mā Ṣihat Nisbah Kitāb Juz’ fī Mas’alah al-Kalām wa Ithbāt al-Ṣawt wa al-Harf lah, laman sesawang YouTube, diakses 9 November 2023, <https://youtu.be/fqhvAf1HR3g?si=WQnwS86A8f1m-ihd>.

Al-Sakhāwī menyifatkan kitab ini sebagai kitab yang mengandungi keberkatan yang melimpah ruah.<sup>15</sup>

Menurut ‘Abd al-Ghanī al-Daqr, syarahan ini merupakan antara karya terakhir al-Nawawī.<sup>16</sup> Beliau menulis karya ini setelah tahun 674 H dan perkara ini dapat dibuktikan melalui penelitian terhadap teks al-Nawawī sendiri dalam *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Al-Nawawī berkata:

“Aku telah pun menjelaskan perbahasan ini (berkenaan al-ghanīmah) pada suatu bahagian yang aku telah himpukkan mengenai pembahagian al-ghanā’im ketika ia diperlukan pada awal tahun 674 H.”<sup>17</sup>

Berdasarkan maklumat ini, pengkaji menyimpulkan bahawa *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* oleh al-Nawawī merupakan karya yang mesti dijadikan sandaran bagi pengkaji yang ingin mengetahui pendirian al-Nawawī dalam isu-isu berkaitan akidah. Hal ini demikian kerana al-Nawawī sendiri turut menegaskan bahawa karya tersebut mengandungi perbahasan yang berkaitan dengan usuluddin dan akidah.<sup>18</sup> Tambahan pula, ia ditulis sekitar dua tahun sebelum kewafatan al-Nawawī dan tidak ditemui sebarang bukti bertulis daripada al-Nawawī mahupun muridnya ataupun mana-mana ilmuwan yang berautoriti bahawa beliau menarik semula pandangannya dalam *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* setelah itu. Perihal ini sekali gus menjadikannya sebagai salah satu sumber primer yang utama dalam menentukan pendirian al-Nawawī yang sebenar dalam isu-isu akidah.<sup>19</sup> Karya ini turut disepakati penisbahannya kepada al-Nawawī bahkan dijadikan sebagai sumber rujukan semenjak berzaman. Demikian itu, karya tersebut menyamai peranan ‘hakim’ terhadap mana-mana karya

<sup>15</sup> Al-Sakhāwī, *al-Manhal*, 13.

<sup>16</sup> Abd al-Ghanī al-Daqr, *al-Imām al-Nawawī*, (Damsyik: Dār al-Qalam, 1994.), 162-163.

<sup>17</sup> Al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, 12:57.

<sup>18</sup> *Ibid.*, 1:3-4.

<sup>19</sup> Mohd Saiful Aqil Naim Saful Amin, and Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. “Pendirian Akidah Muhyī Al-Dīn Al-Nawawī Dalam Polemik Ru'yah Allāh Berdasarkan Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim: Muhyī Al-Dīn Al-Nawawī's Position on the Polemic of Ru'yah Allāh Based on Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim.” *Online Journal of Research in Islamic Studies* 10, no. 1 (2023).

yang cuba dinisbahkan kepada beliau. Seandainya terdapat karya yang dinisbahkan kepadanya namun didapati bercanggah dengan syaraha tersebut, maka karya itu perlu ditolak dan tidak diterima.

Dalam membicarakan mengenai mazhab akidah al-Nawawī, pengkaji menyimpulkan bahawa beliau merupakan ilmuwan yang bermazhab al-Ashā'irah. Buktinya seperti berikut:

### i. Pendapat Al-Nawawī Menepati Usul dan Cabang (*Furū'*) Mazhab Al-Ashā'irah

Secara terperinci, pengkaji telah menjelaskan perkara ini dengan mendalam dalam buku pengkaji yang berjudul *Huraian dan Syarah 'Aqidah Ahli Sunnah Di Sisi Al-Imam Al-Nawawi* yang diterbitkan oleh pihak Nizamiyyah Institute dan Pusat Pendidikan dan Pengajian Islam Darul Hikmah pada tahun 2022.<sup>20</sup> Namun secara ringkasnya, berikut merupakan beberapa pandangan al-Nawawī yang menepati pandangan mazhab al-Ashā'irah dalam isu akidah:

Isu Akidah	Pendapat Al-Ashā'irah	Pendapat Al-Nawawī
1. Masalah Pertambahan dan Pengurangan Iman	Hakikat keimanan iaitu <i>taṣdīq</i> tidak bertambah dan berkurang namun hasil yang diperoleh daripada keimanan seperti amal ibadat itu boleh bertambah dan berkurang. <sup>21</sup>	Pendapat al-Ashā'irah diakui benar dan didapati berjaya mengharmonikan antara ibarat ilmuwan salaf dan khalaf namun yang lebih tepat menurutnya ialah <i>taṣdīq</i> itu juga boleh bertambah dan berkurang dengan banyak berfikir dan meneliti dalil. <sup>22</sup>

<sup>20</sup> Mohd Saiful Aqil Naim Saful Amin, *Huraian dan Syarah 'Aqidah Ahli Sunnah Di Sisi Al-Imam Al-Nawawi*, 1-52.

<sup>21</sup> Al-Amīr al-Kabīr, Muhammad bin Muhammad, *Ḩāshiah al-Amīr 'alā Ithāf al-Murīd bi Jawharah al-Tawhīd*, ed. Anas al-Sharfāwī, (Damsyik: Dār al-Taqwā, 2023.), 1:535-549.

<sup>22</sup> Al-Nawawī, *Sharh Ṣahīh Muslim*, 1:147. Pendapat ini sebenarnya turut diakui ilmuwan al-Ashā'irah setelahnya semisal Burhān al-Dīn Ibrāhīm al-Laqqānī (w. 1041 H) menerusi *'Umdah al-Murīd Sharḥ Jawharah al-Tawhīd*. Ini sekali gus menunjukkan bahawa pendapat tersebut masih berada dalam lingkungan dimensi mazhab al-Ashā'irah. Rujuk Al-Laqqānī, Burhān al-Dīn Ibrāhīm bin Ibrāhīm, *'Umdah al-Murīd*

---

2. Perihal Ungkapan 'Allah di Langit' Berdasarkan Hadith al- Jāriyah	1. Memahami dengan metode <i>al-tafwīd</i> dengan menyucikan Allah daripada sebarang kesamaan dengan makhluk. <sup>23</sup>	1. Memahami dengan metode <i>al-tafwīd</i> dengan menyucikan Allah daripada sebarang kesamaan dengan makhluk <sup>25</sup> .
	2. Memahami dengan metode <i>al-ta'wīl</i> iaitu maksud yang dapat difahami daripada hadith ini ialah ketinggian darjat Allah dan bukannya berada di langit secara zat-Nya (bertempat). Adapun persoalan tersebut, ia hanya bagi menguji keimanan hamba tersebut adakah Tuhan yang disembahnya ialah Tuhan yang merupakan tujuan umat Islam berdoa dengan menadahkan tangan mereka ke langit sebagai kiblat doa sepetimana Kaabah merupakan kiblat untuk menunaikan solat. Sepetimana Allah tidak terangkum dalam Kaabah, <b>begitu</b>	2. Memahami dengan metode <i>al-ta'wīl</i> iaitu maksud yang dapat difahami daripada hadith ini ialah ketinggian darjat Allah dan bukannya berada di langit secara zat-Nya (bertempat). Adapun persoalan tersebut, ia hanya bagi menguji keimanan hamba tersebut adakah Tuhan yang disembahnya ialah Tuhan yang merupakan tujuan umat Islam berdoa dengan menadahkan tangan mereka ke langit sebagai kiblat doa sepetimana Kaabah merupakan kiblat untuk menunaikan solat. Sepetimana Allah tidak terangkum dalam Kaabah, <b>begitu</b>

---

*Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd*, ed. Jadallāh Bassām dan ‘Abd al-Manān al-Idrīsī, (Amman: Dār al-Nūr, 2018.), 1:325.

<sup>23</sup> Al-Bajūrī, *Tuhfah al-Murīd Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd*, ed. ‘Alī Jumu‘ah, (Kaherah: Dār al-Salām, 2002.), 156-160.

<sup>24</sup> Al-Ghazālī, *al-Iqtisād fī al-I’tiqād*, ed. Anas al-Sharfawī, (Beirut: Dār al-Minhāj, 2019.), 158-167.

<sup>25</sup> Al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, 2:22.

<p>3. Perihal Melihat Allah di Akhirat</p>	<p>Harus secara akal dan wajib secara penghabaran wahyu. Ia berlaku tanpa melalui aturan adat melihat di dunia seperti memerlukan cahaya dan berhadapan serta berarah.<sup>27</sup></p>	<p><b>jugalah Dia tidak terangkum di atas langit.<sup>26</sup></b></p> <p>Harus secara akal dan wajib secara penghabaran wahyu dan ijmak. Ia berlaku tanpa melalui aturan adat melihat di dunia seperti memerlukan cahaya dan berhadapan serta berarah. Buktiya dapat dilihat dalam karya ilmuwan kalam sunni iaitu al-Ashā'irah.<sup>28</sup></p>
--	---	--

### Jadual 1: Keserasian Pendapat Al-Nawawī dan Pendapat Al-Ashā'irah.<sup>29</sup>

Fakta ini dikuatkan lagi dengan ucapan Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad al-Dhahabī (w. 748 H). Beliau berkata:

وكان مذهبُه في الصفات السمعية السكوتُ وإماراتها كما جاءت،  
وربما تأول قليلاً في شرح مسلم. والنبوويّ رجلٌ أشعريُّ العقيدة  
المعروف بذلك

Terjemahan: "Mazhab beliau (al-Nawawī) dalam memahami sifat-sifat al-sam'iyyah ialah mendiamkan diri (daripada membicarakan maknanya) dan membiarkannya sepetimana ia diturunkan. Kadangkala beliau juga melakukan takwil dalam

<sup>26</sup> *Ibid.*, 3:23-24.

<sup>27</sup> Mas'ūd bin 'Umar Al-Taftazānī, *Sharḥ al-'Aqā'id al-Nasafiyyah*, ed. Anas al-Sharfawī, (Damsyik: Dār al-Taqwā, 2020.), 204. Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī, *Sharḥ al-Muqaddimāt*, ed. Anas al-Sharfawī, (Damsyik: Dār al-Taqwā, 2019.), 96 dan al-Ghazālī, *al-Iqtisād fī al-I'tiqād*, 289.

<sup>28</sup> Al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, 2:15-16.

<sup>29</sup> Pengkaji memilih empat isu ini kerana pendapat al-Nawawī dalam empat isu tersebut didapati bercanggah dengan isi kandungan *Risālah al-Kalām* yang dinisbahkan kepada beliau itu. Rujuk sub-topik 'Ulasan dan Kritikan Terhadap Penisahan *Risālah al-Nawawī*'.

*Sharḥ Muslim.* Al-Nawawī merupakan tokoh yang berakidah al-Ash‘arī dan sememangnya beliau dikenali sedemikian rupa.”<sup>30</sup>

## ii. Pengiktirafan Al-Nawawī Bahawa Ilmuwan Al-Ashā‘irah Merupakan Ulama Panutannya

Antara bukti yang menyokong kesimpulan pengkaji ialah pengiktirafan al-Nawawī sendiri terhadap autoriti ilmuwan al-Ashā‘irah dalam permasalahan akidah serta mereka merupakan ulama panutannya dalam permasalahan tersebut. Perkara ini dapat dibuktikan dengan jelas melalui ucapan berikut:

Al-Nawawī berkata:

ثُمَّ مِذْهَبُ أَهْلِ الْحَقِّ أَنَّ الرَّؤْيَاةَ قُوَّةٌ يَجْعَلُهَا اللَّهُ تَعَالَى فِي خَلْقِهِ وَلَا يُشْرِطُ فِيهَا اتِّصَالَ الْأَشْعَةِ وَلَا مُقَابَلَةَ الْمَرْئَى وَلَا غَيْرُ ذَلِكَ لَكِنْ جَرَتِ الْعَادَةُ فِي رَؤْيَاةِ بَعْضِنَا بَعْضًا بِوُجُودِ ذَلِكَ عَلَى جَهَةِ الْاِتْفَاقِ لَا عَلَى سَبِيلِ الْاِشْتَرَاطِ وَقَدْ قَرَرَ أَئْمَانُنَا الْمُتَكَلِّمُونَ ذَلِكَ بِدَلَائِلِهِ الْجَلِيلَةِ وَلَا يَلْزَمُ مِنْ رَؤْيَاةِ اللَّهِ تَعَالَى إِثْبَاتَ جَهَةِ تَعَالَى عَنْ ذَلِكَ بِلَ يَرَاهُ الْمُؤْمِنُونَ لَا فِي جَهَةِ كَمَا يَعْلَمُونَهُ لَا فِي جَهَةِ وَاللهُ أَعْلَمُ

Terjemahan: “Kemudian mazhab ahli kebenaran menyatakan melihat itu merupakan suatu kekuatan yang Allah jadikannya pada makhluk-Nya dan tidak disyaratkan pada melihat untuk bersambung dengan cahaya, tidak juga disyaratkan berhadapan dengan perkara yang dilihat dan tidak juga selainnya. Akan tetapi secara adatnya dalam kita memerlukan kepadanya (cahaya dan berhadapan) supaya kita

---

<sup>30</sup> Muhammad bin Ahmad al-Dhahabī, *Tārīkh al-Islām wa Wafayāt al-Mashāhīr al-A‘lām*, ed. Bashār ‘Iwād Ma‘rūf, (Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2003.), 15:332.

dapat melihat sesama kita<sup>31</sup> secara kebetulan dan bukannya secara bersyarat<sup>32</sup>. Para ulama kita dalam kalangan ahli kalam telah menetapkan pandangan sedemikian dengan bukti-buktinya yang jelas. Melihat Allah SWT pula tidaklah memestikan dan melazimkan kita untuk menetapkan arah (bagi-Nya. Maha Suci Allah daripada berarah, bahkan orang yang beriman melihat-Nya tanpa Dia berada pada sebarang arah sepertimana mereka mengetahui-Nya tanpa Dia berada pada sebarang arah.”<sup>33</sup>

Pada bab yang lain, beliau berkata:

وأَمَّا رُؤْيَا اللَّهِ تَعَالَى فِي الدُّنْيَا فَقَدْ قَدَّمَا أَهْمَّاهَا مُكْتَبَةً وَلَكِنَّ الْجَمِيعَ  
مِنَ السَّلْفِ وَالخَلْفِ مِنَ الْمُتَكَلِّمِينَ وَغَيْرِهِمْ أَهْمَّاهَا لَا تَقْعُدُ فِي الدُّنْيَا  
وَحَكَىِ الْإِمَامُ أَبُو الْقَاسِمِ الْقَشِيرِيُّ فِي رِسَالَتِهِ الْمُعْرُوفَةِ عَنِ الْإِمَامِ أَبِيِّ  
بَكْرٍ بْنِ فُورَكٍ أَنَّهُ حَكَىِ فِيهَا قَوْلَيْنِ لِلْإِمَامِ أَبِيِّ الْحَسْنِ الْأَشْعَرِيِّ  
أَحَدُهُمَا وَقَوْلُهَا وَالثَّانِي لَا تَقْعُدُ

Terjemahan: “Adapun melihat Allah di dunia maka kami telah pun menyatakan ianya perkara yang boleh berlaku. Namun begitu, jumhur ulama Salaf dan Khalaf dalam kalangan ahli kalam dan juga selain mereka mengatakan ianya tidak berlaku di dunia. Imam ‘Abū al-Qāsim al-Qushayrī meriwayatkan dalam risalahnya yang masyhur, daripada Imam Abī Bakr bin Fūrak bahwasanya beliau meriwayatkan padanya dua pendapat bagi Imam al-Ash‘arī; salah

<sup>31</sup> Iaitu secara adat dan sainsnya manusia memerlukan cahaya dan berhadapan dengan perkara yang dilihat supaya boleh melihatnya.

<sup>32</sup> Maksudnya ialah kewujudan cahaya dan berhadapan antara dua pihak tidak menjadi syarat bagi proses melihat. Ia hanya semata-mata adat di dunia.

<sup>33</sup> Ibid.

*satunya melihat Allah Taala di dunia berlaku dan pandangan kedua mengatakan tidak berlaku.* ”<sup>34</sup>

Al-Nawawī turut berkata:

وَقَدْ تَظَاهَرَتِ الْأُدْلَةُ الْقُطْعَيَّاتُ مِنَ الْكِتَابِ وَالسُّنْنَةِ وَإِجْمَاعِ الصَّحَابَةِ  
وَأَهْلِ الْحَلَّ وَالْعَقْدِ مِنَ السَّلْفِ وَالخَلْفِ عَلَى إِثْبَاتِ قَدْرِ اللَّهِ سَيِّحَانَهِ  
وَتَعَالَى وَقَدْ أَكْثَرُ الْعُلَمَاءِ مِنَ التَّصْنِيفِ فِيهِ وَمِنْ أَحْسَنِ الْمُصَنَّفَاتِ  
فِيهِ وَأَكْثَرُهَا فَوَائِدُ كِتَابِ الْحَافِظِ الْفَقِيْهِ أَبِي بَكْرِ الْبَیْهَقِیِّ رَضِیَ اللَّهُ عَنْهُ  
وَقَدْ قَرَرَ أَتَّمَّتْنَا مِنَ الْمُتَكَلِّمِينَ ذَلِكَ أَحْسَنُ تَقْرِيرٍ بِدَلَالِهِمْ  
الْقُطْعَيَّةُ السَّمْعَيَّةُ وَالْعُقْلَيَّةُ وَاللَّهُ أَعْلَمُ

Terjemahan: “*Dalil-dalil yang qat’ī daripada al-Quran, al-Sunnah, ijmak para sahabat dan ulama dikalangan salaf dan khalaf telah pun menzahirkan dan menunjukkan penetapan konsep al-Qadr yang Allah tetapkan. Begitu ramai sekali dalam kalangan ulama yang menulis mengenai permasalahan ini. Antara penulisan yang terbaik dan mempunyai faedah yang paling banyak ialah kitab Imam al-Hāfiẓ al-Faqīh Abī Bakr al-Bayhaqī.<sup>35</sup> Para imam kami dalam kalangan ahli kalam telah pun menyatakan perbahasan ini dengan penulisan yang baik sekali dengan dalil wahyu dan akal yang qat’ī.*”

<sup>34</sup> Al-Nawawī, *Sharah Ṣaḥīḥ Muslim*, 2:15.

<sup>35</sup> Kitab yang dimaksudkan ialah *Al-Qadā’ Wa al-Qadr*. Beliau juga menulis kitab yang berjudul *al-I’tiqād Wa Al-Hidāyah Ilā Sabīl Al-Rashād ‘Alā Madhhab Al-Salaf Wa Ahl Al-Ḥadīth* dan *al-Asmā’ Wa al-Ṣifāt*. Ketiga-tiganya kitab yang khusus membincangkan mengenai akidah Ahli Sunnah berdasarkan dalil *naqlī* dan *‘aqlī* dan ditulis berdasarkan manhaj Ahli Sunnah dalam kalangan al-Ashā’irah. Judul kitab tersebut menunjukkan bahawa al-Bayhaqī meyakini bahawa mazhab salaf dan ahli hadith sebenarnya bersepakat dengan al-Ashā’irah dan layak dilingkungkan dalam satu keluarga Ahli Sunnah.

Melalui tiga nukilan tersebut, dapat disimpulkan bahawa beliau menjadikan ilmuwan kalam dalam kalangan Ahli Sunnah sebagai panutannya dalam permasalahan akidah. Ilmuwan kalam yang dimaksudkan beliau ialah ilmuwan al-Ashā'irah dan ia dapat difahami melalui pujian beliau terhadap Abū Bakr al-Bayhaqī (w. 458 H) yang merupakan ilmuwan hadith yang bermazhab al-Ashā'irah serta menukilkan pandangan ilmuwan al-Ashā'irah seperti Abū al-Qāsim al-Qushayrī (w. 465 H), Abū Bakr Ibn Fūrak (w. 406 H) dan juga Abū al-Hasan al-Ash'arī (w. 323 H) bahkan menggelarkan mereka semua 'imam kami'.

## **METODE PENDALILAN HADITH MUHYĪ AL-DĪN AL-NAWAWĪ DALAM ISU AKIDAH**

Sub-topik ini dimuatkan pengkaji kerana *Risālah al-Kalām* tersebut didapati menggunakan pelbagai hadith sebagai asas pembuktian fakta akidah yang cuba dikemukakan penulis asal kitab tersebut. Bertitiktolak daripada asas ini, pengkaji ingin melakukan perbandingan antara metode pendalilan hadith yang digariskan sendiri oleh al-Nawawī sebagai piawaian dalam menggunakan hadith sebagai dalil akidah dan hadith-hadith yang dijadikan dalil dalam kitab tersebut. Seandainya didapati kewujudan pendalilan yang tidak menepati piawaian yang digariskan al-Nawawī, maka perkara tersebut jelas menunjukkan ketidakautentikan kitab tersebut sebagai kitab yang diakui kesahihannya oleh al-Nawawī.

Secara umumnya, metode pendalilan hadith dalam isu akidah di sisi al-Nawawī dapat dirumuskan seperti berikut:

### **i. Hadith Lemah (Da‘if) Tidak Boleh Dijadikan Dalil Dalam Akidah**

Berkenaan hal ini, al-Nawawī menegaskan dalam karya *muṣṭalah al-hadīth* beliau yang masyhur yang berjudul *al-Taqrīb wa al-Taysīr*:

وَيَجُوزُ عِنْدَ أَهْلِ الْحَدِيثِ وَغَيْرِهِمُ التَّسَاهُلُ فِي الْأَسَانِيدِ وَرَوَايَةِ مَا  
سُوِّيَ الْمَوْضُوعُ مِنَ الْفَضْلِ وَالْعَمَلُ بِهِ مِنْ غَيْرِ بَيَانِ ضَعْفِهِ فِي غَيْرِ

صفات الله تعالى والأحكام كالحلال والحرام وغيرها وذلك  
كالقصص، وفضائل الأعمال، والمواعظ وغيرها مما لا تعلق له  
بالعقائد والأحكام

Terjemahan: "Dibenarkan di sisi ahli hadith dan selain mereka untuk mengambil ringan dalam sanad dan periyatan hadith lemah yang tidak mencapai darjat palsu serta mengamalkannya tanpa menjelaskan kelemahannya pada perkara yang tidak melibatkan sifat Allah SWT serta hukum-hakam seperti halal dan haram dan selainnya. Begitu juga seperti kisah-kisah, kelebihan beramal, peringatan dan perkara yang tidak berkaitan akidah dan hukum-hakam."<sup>36</sup>

## ii. Tidak Boleh Meriwayatkan Hadith Yang Mengandungi Perawi Yang Tidak Dikenali (*majhūl*) Isu Akidah

Perincian daripada rumusan di atas, al-Nawawī menegaskan dalam syarahan terhadap *Sahīh Muslim* bahawa periyatan daripada perawi yang tidak dikenali (*majhūl*) adalah perkara yang tidak diterima dalam isu hukum bahkan disifatkan sebagai perbuatan yang keji. Dalam konteks ucapan al-Nawawī dalam *al-Taqrīb*, pengkaji merumuskan ia juga terpakai dalam isu akidah bahkan ia lebih utama untuk dititikberatkan kerana kesilapan dalam akidah jauh lebih berat berbanding kesilapan dalam fiqh kerana ia mampu membawa kepada lembah kekufturan. Al-Nawawī berkata:

فحاصلها أنه لا يقبل رواية المجهول وأنه يجب الاحتياط فيأخذ الحديث فلا يقبل إلا من أهله وأنه لا ينبغي أن يروى عن الضعفاء

Terjemahan: "Kesimpulannya ialah riwayat daripada perawi *majhūl* tidak diterima dan wajib ke atas

<sup>36</sup> Yahyā bin Sharaf al-Nawawī, *al-Taqrīb wa al-Taysīr li Ma 'rifah Sunan al-Bashīr al-Nadhīr fī Uṣūl al-Ḥadīth*, ed. Muḥammad ‘Uthmān, (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1985.), 48.

*seseorang itu untuk berjaga-jaga dalam mengambil hadith. Dia hanya perlu mengambil hadith daripada ahlinya dan bukannya daripada perawi yang lemah.*"<sup>37</sup>

Beliau berkata lagi:

فإن الأئمة لا يروون عن الضعفاء شيئاً يحتاجون به على انفراده في الأحكام فإن هذا شيء لا يفعله إمام من أئمة المحدثين ولا محقق من غيرهم من العلماء وأما فعل كثريين من الفقهاء أو أكثرهم ذلك واعتمادهم عليه فليس بصواب بل قبيح جداً وذلك لأنه إن كان يعرف ضعفه لم يحل له أن يحتاج به فإنه لا يتحقق بالضعف في الأحكام وإن كان لا يعرف ضعفه لم يحل له أن يهجم على الاحتجاج به من غير بحث عليه بالتفتيش عنه إن كان عارفاً أو بسؤال أهل العلم به إن لم يكن عارفاً

Terjemahan: "Sesungguhnya para imam tidak meriwayatkan suatu hadith pun daripada perawi lemah untuk dijadikan hujah secara berasingan dalam hukum-hakam. Perkara sedemikian tidak dilakukan sesekali oleh imam dalam hadith dan juga ulama bidang lain yang muhaqqiq. Adapun perkara yang dilakukan oleh kebanyakan ahli fiqh dan juga dipegang oleh mereka (yakni menggunakan hadith perawi yang *da'* dalam hukum-hakam), ia bukanlah tindakan yang benar bahkan buruk sekali. Hal yang demikian kerana seandainya dia mengetahui kelemahan perawi tersebut, tidak halal baginya untuk berhujah dengannya. Mereka bersepakat bahawa perawi lemah tidak boleh dijadikan hujah dalam hukum-hakam. Seandainya dia tidak mengetahui

---

<sup>37</sup> Al-Nawawī, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, 1:84.

*kelemahannya, tidak halal baginya untuk berhujah dengannya tanpa mengkaji terlebih dahulu sama ada dengan carian sendiri jika dia mengetahui caranya ataupun bertanya kepada ahlinya seandainya dia tidak tahu.*<sup>38</sup>

Melalui dua teks tersebut, dapat dirumuskan al-Nawawī amat bertegas dalam isu periwayatan hadith daripada perawi yang lemah dan tidak dikenali dalam dimensi perbincangan hukum. Bahkan secara tegas beliau menyatakan pendiriannya bahawa perbuatan sebilangan ahli fiqh yang menggunakan hadith yang diriwayatkan perawi lemah sebagai perbuatan yang keji.

Beliau turut menempelak mereka dengan teguran keras bahawa mereka sepatutnya mengetahui terlebih dahulu kesahihan sesuatu hadith sebelum menjadikan sebagai dalil dalam hukum sama ada dengan melakukan carian sendiri (yakni *takhrīj*) ataupun bertanya kepada ahli hadith jika tidak mampu. Berlatarbelakangkan ketegasan ini, didapati bahawa al-Nawawī merupakan ilmuwan yang sesekali tidak akan menggunakan hadith lemah ataupun yang diriwayatkan perawi yang lemah dalam isu hukum apatah lagi isu akidah.

## **ULASAN DAN ANALISIS TERHADAP PENISBAHAN RISĀLAH AL-NAWAWĪ FĪ KALĀM ALLĀH**

Sub-topik ini merupakan klimaks perbincangan kajian ini. Berdasarkan dapatan pengkaji, penisbahan kitab tersebut kepada al-Nawawī adalah tidak benar dan amat diragui. Dalam kitab tersebut, al-Nawawī menukilkan isi kandungan sebuah kitab yang tidak diketahui bahkan tidak ditemui sehingga kini yang berjudul *Ghāyah al-Marām fī Mas'alah al-Kalām*. Ia ditulis oleh seorang individu yang juga tidak dikenali (*majhūl*) dan tidak ditemui dalam mana-mana kitab *tarājim* iaitu Abū al-'Abbās Aḥmad bin al-Ḥasan al-Urmawī al-Shāfi'i. Ini merupakan salah satu keraguan yang wajar diketengahkan kerana al-Nawawī turut menggelarkan beliau sebagai *al-hāfiẓ* yang mana ia merupakan gelaran

---

<sup>38</sup> *Ibid.*, 1:126.

yang tinggi dalam ilmu hadith dan gelaran tersebut sesekali tidak akan diberikan kepada individu yang tidak dikenali ataupun *majhūl*<sup>39</sup>.

Bagi membuktikan kesahihan penisbahan kitab tersebut, pengkaji telah melakukan analisis terhadap kitab tersebut. Berikut merupakan beberapa hasil analisis terhadap isi kandungan kitab tersebut sebagai bukti ia bukanlah hasil karangan al-Nawawī:

### i. Pendalilan Logik dan Kalam Yang Lemah Dalam Isu Akidah

Isi kandungan karya ini dipenuhi dengan penghujahan dan pendalilan logik untuk membuktikan suara dan huruf itu *qadīm* bagi Allah SWT. Namun, pendalilan yang digunakan amat lemah dan tidak mungkin dinisbahkan kepada al-Nawawī kerana al-Nawawī merupakan seorang yang mahir dalam ilmu kalam dan berhujah. Perkara ini dapat dilihat dengan jelas melalui kemampuan beliau mencerakinkan isu akidah dengan begitu sistematik dan kritis. Seseorang yang tidak menguasai ilmu kalam pasti tidak akan mampu menjelaskan isu akidah seperti yang telah dilakukan oleh al-Nawawī. Ini dikuatkan lagi apabila tokoh ilmu kalam terkemuka Burhān al-Dīn Ibrāhīm bin Ibrāhīm al-Laqqānī (w. 1041 H) menjadikan ucapan dan pandangan al-Nawawī sebagai ‘hakim’ bagi perselisihan antara salaf dan khalaf berkenaan isu pertambahan iman dan pengurangannya.<sup>40</sup> Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa ilmuwan kalam mengakui ketokohan al-Nawawī dalam ilmu kalam sehingga ucapannya layak diangkat sebagai hakim dalam isu akidah.<sup>41</sup>

---

<sup>39</sup> Antara perkara yang wajar diragui ialah al-Nawawī dalam kitab tersebut menggelarkan beliau Sa‘īd Fūdah antara pengkaji yang menegaskan bahawa al-Urmawī tersebut merupakan individu yang tidak dikenali dan tidak dijumpai dalam mana-mana kitab *tarājim*. Rujuk Sa‘īd Fūdah, *Naqd Juz ‘fī Qidam al-Hurūf*, 3.

<sup>40</sup> Burhān al-Dīn Ibrāhīm bin Ibrāhīm al-Laqqānī, ‘Umdah al-Murīd Sharḥ Jawharah al-Tawḥīd, ed. Jadallāh Bassām dan ‘Abd al-Manān al-Idrīsī, (Amman: Dār al-Nūr, 2018.), 1:325.

<sup>41</sup> Mohd Saiful Aqil Naim Saful Amin dan Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. “Pendirian Akidah Muhyī Al-Dīn Al-Nawawī Dalam Polemik Ru'yah Allāh Berdasarkan Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim: Muhyī Al-Dīn Al-Nawawī's Position on the Polemic of Ru'yah Allāh Based on Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim.” *Online Journal of Research in Islamic Studies* 10, no. 1 (2023).

Berikut merupakan beberapa bentuk pendalilan yang digunakan penulis asal kitab tersebut untuk membuktikan huruf itu *qadīm* dan suara:

**a) Huruf Itu Qadīm Disebabkan Ia Berada Dalam Pengetahuan Allah SWT**

Antara pendalilan lemah yang digunakan penulis untuk membuktikan huruf itu *qadīm* ialah dengan menjelaskan bahawa huruf terkandung dalam pengetahuan Allah SWT. Beliau berkata:

هذه الحروف من علم الله لما سبق وقوله تعالى ولا يأب كاتب أن يكتب كما علمه الله فليكتب أخيراً تعالى أنه علم الكاتب الكتابة، والكتابة ليس إلا الحروف، وعلمه غير مخلوق بالإجماع

Terjemahan: "*Huruf tersebut merupakan sebahagian daripada pengetahuan Allah SWT seperti yang telah disebutkan. Firman Allah SWT: "Janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis."* (*al-Baqarah:282*) *Allah SWT memberitahu bahawa Dia mengajar malaikat yang menulis untuk menulis. Penulisan hanya berlaku dengan huruf dan ilmu-Nya bukanlah makhluk secara ijmak.*"<sup>42</sup>

Berdasarkan teks tersebut, penulis menegaskan bahawa huruf itu *qadīm* dan bukannya makhluk kerana Allah SWT mengajarkan hamba-Nya untuk menulis. Memandangkan penulisan hanya berlaku dengan huruf manakala pengetahuan-Nya tidak makhluk, maka huruf juga tidak makhluk. Pendalilan sebegini amatlah lemah dan tidak dapat diterima kerana hujah utama dakwaan ini ialah huruf merupakan perkara yang terkandung dalam pengetahuan Allah yang *qadīm*. Jika asas premis ini diterima, maka ia menatijahkan semua perkara itu juga *qadīm* kerana tidak ada suatu perkara pun yang terlepas daripada pengetahuan Allah SWT. Kelemahan pendalilan ini amat ketara dan tidak dapat diterima.

---

<sup>42</sup> Al-Nawawī (!), *Risālah al-Nawawī*, 18.

**b) Huruf Itu Qadīm Disebabkan Huruf Hijā' Berasal Daripada Nama Allah SWT**

Di samping kelemahan pendalilan logik dengan menggunakan al-Quran, penulis juga didapati gagal menggunakan pendalilan logik melalui hadith dengan kukuh. Beliau berkata:

ويدل على قدمها من حديث رسول الله صلى الله عليه وسلم وجوه:  
الأول : مارواه عثمان بن عفان رضي الله عنه قال "سألت رسول الله صلى الله عليه وسلم عن ألف ب ت ث إلى آخرها، فقال" :الألف من اسم الله الذي هو الله والباء من اسم الله الذي هو الباري "فاشتق لكل حرف حرفًا من صفات الله إلى آخر الحروف والسر في أن هذه الحروف مبني كتب الله المنزلة بالألسن المختلفة ومبني صفاته القديمة وأسمائه الحسنة، فالقول بجدوتها يوجب طرق الحديث إلى ذلك، وقدمها ثابت بالإجماع

Terjemahan: "Terdapat beberapa wajah hadith yang menunjukkan huruf itu qadīm: Pertamanya ialah hadith yang diriwayatkan daripada 'Uthmān bin 'Affān -Moga Allah meredainya- berkata: 'Aku bertanya kepada Rasulullah SAW mengenai alif bā' tā' thā' hingga akhir hurufnya. Baginda menjawab: Alif merupakan daripada nama Allah iaitu Allah. Bā' merupakan daripada nama Allah iaitu al-Bārī.' Lalu dijadikan asal bagi setiap huruf ialah sifat Allah SWT hingga ke akhir huruf. Rahnianya ialah huruf tersebut merupakan binaan kitab Allah SWT yang diturunkan dengan bahasa yang berbeza. Binaan sifat-Nya yang qadīmah dan nama-Nya yang mulia. Maka ucapan yang menyatakan kebaharuan huruf menatijahkan

*kebaharuan kepada sifat tersebut sedangkan qadīmnya itu sudah sabit secara ijmak.*<sup>43</sup>"<sup>43</sup>

Melalui ucapan ini, penulis cuba membuktikan huruf itu *qadīm* melalui hadith tersebut yang menyebutkan bahawa setiap huruf *hijā’* dalam bahasa Arab itu sebenarnya berasal daripada nama-nama Allah SWT. Memandangkan nama dan sifat Allah SWT itu *qadīm*, maka ia menatijahkan -menurut penulis- huruf itu *qadīm*.

Kesilapan yang kritikal ini berpunca daripada kegagalan memahami maksud huruf itu sendiri bahkan tidak mampu memahami dengan baik konsep *wajh al-dalālah* yang dibincangkan dalam ilmu usul al-fiqh. Meskipun hadith tersebut tidak diterima daripada aspek sanadnya,<sup>44</sup> namun jika diandaikan ia benar dan diterima, ia tetap tidak menatijahkan kesimpulan yang dibawakan penulis. Hal ini demikian kerana konsep *qadīm* yang tidak menerima permulaan dan pengakhiran tidak terpakai secara logik pada huruf yang mempunyai permulaan dan pengakhiran. Menyatakan huruf itu *qadīm* merupakan salah satu bentuk kontradiksi (*tanāqud*) yang ketara.

Ironinya, pendapat huruf itu *qadīm* yang dinisbahkan kepada aliran al-Hanābilah turut dikritik keras oleh tokoh Ḥanbalī yang kontroversi, Abū al-‘Abbās Aḥmad bin ‘Abd al-Ḥalīm yang lebih dikenali sebagai Ibn Taymiyah (w. 728 H). Beliau berkata dalam *Majmū‘ al-Fatāwā*:

وَكُثُرَ هَذَا فِي بَعْضِ الْمُتَأْخِرِينَ الْمُنْتَسِبِينَ إِلَى أَحْمَدَ بْنِ حَنْبَلِ - فَقَالُوا  
بِقُولِ الْمُعْتَزِلَةِ وَبِقُولِ الْكَلَابِيَّةِ : وَافْقَوْا هُؤُلَاءِ فِي قَوْلِهِمْ إِنَّهُ قَدِيمٌ وَوَافَقُوا  
أُولَئِكَ فِي قَوْلِهِمْ إِنَّهُ حُرُوفٌ وَأَصْوَاتٌ وَأَحَدَثُوا قَوْلًا مُبْتَدِعًا - كَمَا

<sup>43</sup> *Ibid.*, 19.

<sup>44</sup> Akan dibincangkan dengan lebih lanjut pada sub-topik 'Pendalilan Hadith Lemah Dalam Isu Akidah'.

أَحَدُهُمْ - فَقَالُوا: الْقُرْآنُ قَدِيمٌ وَهُوَ حُرُوفٌ وَأَصْوَاتٌ قَدِيمَةٌ  
أَزْلَيْتُهُ لَازْمًا لِنَفْسِ اللَّهِ تَعَالَى أَزْلًا وَأَبْدًا<sup>45</sup>

Berlatarkan teks ini, didapati bahawa Ibn Taymiyah sendiri tidak bersetuju dengan keyakinan huruf itu *qadīm* dan suara bahkan ia merupakan pandangan yang bid'ah. Demikian itu, dapat dirumuskan bahawa penulis asal kitab ini tidak mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang ilmu kalam dan ini jelas bercanggah dengan keperibadian sebenar al-Nawawī.

## ii. Pendalilan Hadith Lemah Dalam Isu Akidah

Jika diamati piawaian pendalilan hadith dalam isu akidah yang digariskan oleh al-Nawawī, pembaca akan mendapati bahawa beliau merupakan ilmuwan yang sangat tegas dalam perkara ini. Ketegasan tersebut dapat dilihat dengan jelas apabila beliau memilih untuk melemahkan pandangan al-Shāfi‘ī berkenaan kemakruhan penggunaan air *mushammas* disebabkan kelemahan hadith yang digunakan oleh beliau.<sup>46</sup>

Adapun versi 'al-Nawawī' yang cuba dipotretkan sebagai penulis kitab ini, beliau merupakan individu yang amat mengambil ringan dalam pendalilan hadith meskipun dalam isu akidah. Pengkaji akan menjelaskan *takhrij* terhadap beberapa hadith tanpa menterjemahkannya kerana tumpuan sub-topik ini ialah pada status hadithnya. Berikut merupakan beberapa hadith yang tidak menepati piawaian hadith yang dapat digunakan dalam isu akidah:

<sup>45</sup> Ahmad bin ‘Abd Ḥalīm Ibn Taymiyyah, *Majmū‘ al-Fatāwā*, (Madinah: Majma‘ al-Malik Fahd li Ṭibā‘ah al-Muṣṭafā al-Shārif, 2004.), 12:320.

<sup>46</sup> Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī, *al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhaḍhab*, (Kaherah: Idārah al-Ṭibā‘ah al-Munīriyyah, 1347.), 1:87.

**a) Hadith pertama:**

مارواه عثمان بن عفان رضي الله عنه قال "سألت رسول الله صلى الله عليه وسلم عن ألف ب ت ث إلى آخرها، فقال": الألف من اسم الله الذي هو الله والباء من اسم الله الذي هو الباري<sup>47</sup>

Berdasarkan carian pengkaji, pengkaji tidak menemui riwayat ini dalam mana-mana kitab hadith ataupun sumber yang autentik. Riwayat ini hanya ditemui pengkaji dalam kitab *al-Ghunyah* yang dinisbahkan kepada ‘Abd al-Qādir bin Mūsā al-Jaylānī (w. 561 H).<sup>48</sup> Tambahan pula, al-Jaylānī tidak memuatkan sanad penuh bagi hadith ini. Oleh itu, pengkaji meyakini ia berstatus hadith yang tidak mempunyai asal ( لا أصل ) له. Maka ia tidak boleh dijadikan sebagai dalil dalam berakidah.

**b) Hadith kedua:**

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "إِنَّ اللَّهَ قَرَأَ طَهَ وَيُسْ قَبْلَ أَنْ يَخْلُقَ آدَمَ بِأَلْفِيْ عَامٍ فَلَمَّا سَمِعَ الْمَلَائِكَةُ الْقُرْآنَ قَالَتْ: طَوِيْ لِأَمَّةَ يَنْزَلُ عَلَيْهَا هَذَا، طَوِيْ لِأَجْوَافِ يَوْعَى فِيهَا هَذَا، طَوِيْ لِأَلْسُنَةِ تَنَكَّلُ بِهَا".<sup>49</sup>

<sup>47</sup> Al-Nawawī (!), *Risālah al-Nawawī*, 19.

<sup>48</sup> Ibn Kathīr (w.774 H) menerusi *al-Bidāyah wa al-Nihāyah* menegaskan bahawa *al-Ghunyah* merupakan karya tasawuf yang mengandungi beberapa hadith yang tidak sahih dan mempunyai isu daripada aspek sanad. Demikian itu, kewujudan riwayat ini dalam kitab tersebut tidak menjadikannya sebagai hadith yang mempunyai asal. Rujuk Ibn Kathīr, Ismā‘il bin ‘Umar, *al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, ed. ‘Abdullāh al-Turkī, (Riyad: Dār Hajar, 1998.), 16:420.

<sup>49</sup> Al-Nawawī (!), *Risālah al-Nawawī*, 19.

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Lālakā'ī (w. 418 H) dalam *Sharḥ Uṣūl I'tiqād Ahl al-Sunnah*<sup>50</sup>, Ibn Abī 'Āsim (w. 287 H) dalam *al-Sunnah*<sup>51</sup> dan Ibn Khuzaymah (w. 311 H) dalam *al-Tawhīd*<sup>52</sup>, al-Bayhaqī (w. 458 H) dalam *al-Asmā' wa al-Šifāt*<sup>53</sup> dan Ibn 'Adī (w. 365 H) dalam *al-Kāmil fī Du'aafā' al-Rijāl*.<sup>54</sup> Hadith ini dinilai palsu oleh Ibn Jawzī (w. 597 H) dalam *al-Mawdū'āt*.<sup>55</sup> Ibn Ḥibbān (w. 354 H) menerusi *al-Majrūhīn* menegaskan ia mempunyai unsur kepalsuan pada matan hadith (*matn mawdū'*).<sup>56</sup> Dalam *al-Awsaṭ*, al-Ṭabrānī (w. 360 H) menyatakan sanad ini mengandungi seorang perawi yang bersendirian (*tafarrud*) iaitu Ibrāhīm bin al-Mundhir.<sup>57</sup> Dalam sanad ini juga mengandungi perawi yang bernama Ibrāhīm bin Muḥājir bin Mismār yang merupakan seorang perawi yang lemah menurut Ibn Ḥajar al-'Asqalānī<sup>58</sup> dan *munkar al-hadīth* oleh Ibn 'Adī secara spesifiknya berkenaan hadith ini.<sup>59</sup> Oleh itu, hadith ini juga tidak layak dijadikan dalil untuk berhujah dalam isu akidah.

### c) Hadith ketiga:

روي عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه قال: "إِنَّ اللَّهَ ناجٍ مُوسى  
بمائة ألف كلمة.<sup>60</sup>

<sup>50</sup> Hibbatullāh bin al-Ḥasan al-Lālakā'ī, *Sharḥ Uṣūl I'tiqād Ahl al-Sunnah*, ed. Aḥmad bin Sa'ad, (Arab Saudi: Dār Ṭaybah, 2003.), 2:251.

<sup>51</sup> Ibn Abī 'Āsim Aḥmad bin 'Amr, *al-Sunnah*, ed. Nāṣir al-Dīn al-Albānī, (Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1400.), 1:269.

<sup>52</sup> Ibn Khuzaymah Muḥammad bin Ishāq, *al-Tawhīd*, ed. 'Abd al-'Azīz bin Ibrāhīm, (Riyad: Maktabah al-Rushd, 1994.), 1:402.

<sup>53</sup> Abū Bakr Aḥmad bin al-Husayn al-Bayhaqī, *al-Asmā' wa al-Šifāt*, ed. 'Abdullāh al-Hāshidī, (Jeddah: Maktabah al-Sawādī, 1993.), 1:566.

<sup>54</sup> Aḥmad bin 'Adī, *al-Kāmil fī Du'aafā' al-Rijāl*, ed. 'Abd al-Fattāḥ, (Beirut: al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.), 1:352.

<sup>55</sup> Ibn Jawzī 'Abd al-Rahmān bin 'Alī, *al-Mawdū'āt*, ed. 'Abd al-Rahmān 'Uthmān, (Madinah: al-Maktabah al-Salafiyyah, 1968.), 1:110.

<sup>56</sup> Muḥammad bin Ḥibbān, *al-Majrūhīn min al-Muhaddithīn wa al-Du'aafā' wa al-Matrūkīn*, ed. Muḥammad bin Ibrāhīm, (Aleppo: Dār al-Wa'i, 1396.), 1:108.

<sup>57</sup> Sulaymān bin Aḥmad al-Ṭabrānī, *al-Mu'jam al-Awsaṭ*, ed. Tāriq bin 'Iwād Allāh, (Kaherah: Dār al-Haramayn, 1995.), 5:133.

<sup>58</sup> Ibn Ḥajar Aḥmad bin 'Alī al-'Asqalānī, *Taqrīb al-Tahdhīb*, ed. Muḥammad 'Awwamah, (Syriah: Dār al-Rashīd, 1986.), 94.

<sup>59</sup> Aḥmad bin 'Adī, *al-Kāmil*, 1:353.

<sup>60</sup> Al-Nawawī (!), *Risālah al-Nawawī*, 19.

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Ṭabrānī dalam *al-Awṣaṭ*<sup>61</sup> dan *al-Kabīr*<sup>62</sup>, ‘Abdullāh bin Aḥmad dalam *al-Sunnah*<sup>63</sup> dan al-Bayhaqī dalam *Shu‘ab al-Īmān* melalui jalur Abū Mālik al-Janbī yang meriwayatkan daripada Juwaybir yang meriwayatkan daripada al-Ḏahhāk yang meriwayatkan daripada Ibn ‘Abbās secara *marfū‘*.<sup>64</sup> Al-Ṭabrānī menegaskan hanya riwayat ini sahaja yang ada melalui Ibn ‘Abbās maka berlaku *tafarrud* pada Abū Mālik.<sup>65</sup> Al-Haythamī menegaskan bahawa Juwaybir yang berada dalam sanad ini berstatus sangat lemah (*da’if jiddan*)<sup>66</sup> sekali gus menyebabkan hadith ini tidak layak dijadikan dalil dalam berakidah.

Berdasarkan fakta yang dikemukakan ini, didapati bahawa penulis asal kitab tersebut sama ada tidak bersikap tegas dalam periwatan hadith akidah, ataupun tidak mahir dalam ilmu pengkajian sanad hadith yang mana kedua-dua ciri tersebut tidak menepati ketokohan al-Nawawī yang sebenar. Perkara ini mengukuhkan lagi bahawa kitab ini bukanlah milik al-Nawawī.

### iii. Mengandungi Maklumat Yang Bercanggah Dengan Pendapat al-Nawawī Dalam Karyanya Yang Lain

Di samping kelemahan dalam pendalilan, antara fakta yang wajar dikemukakan bagi membantah penisbahan kitab tersebut ialah kewujudan percanggahan maklumat dan pendapat antara kitab ini dengan karya al-Nawawī yang lain. Perkara ini wajar diketengahkan dan diberikan perhatian kerana percanggahan pendapat merupakan petunjuk jelas bahawa kitab tersebut tidak benar penisbahannya kepada al-Nawawī. Berikut merupakan beberapa maklumat yang bercanggah dengan pendirian al-Nawawī:

<sup>61</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Awṣaṭ*, 4:188.

<sup>62</sup> Sulaymān bin Aḥmad al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Kabīr*, ed. Ḥamdī ‘Abd al-Majīd, (Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyah, 1994.), 12:120.

<sup>63</sup> ‘Abdullāh bin Aḥmad, *al-Sunnah*, ed. Muḥammad al-Qaḥṭānī, (t.t: Dār Ibn al-Qayyim, 1987.), 1:284.

<sup>64</sup> Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn al-Bayhaqī, *Shu‘ab al-Īmān*, ed. Muḥammad Zaghlūl, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000.), 7:345.

<sup>65</sup> Al-Ṭabrānī, *al-Mu‘jam al-Awṣaṭ*, 4:188.

<sup>66</sup> ‘Alī bin Abī Bakr al-Haythamī, *Majma‘ al-Zawā‘id wa Manba‘ al-Fawā‘id*, ed. Ḥusām al-Dīn al-Qudsī, (Kaherah: Maktabah al-Qudsī, 1994.), 8:203.

### a) Penolakan Konsep Al-Majāz dan Al-Ta‘wīl Dalam Al-Quran dan Al-Hadith Berkaitan Sifat Allah SWT

Dalam karya al-Nawawī yang lain khususnya *Sharḥ Sahīh Muslim*, al-Nawawī menerima konsep *majāz* dan *ta‘wīl* dalam perkhabaran wahyu sama ada daripada al-Quran ataupun al-Hadith berkaitan sifat Allah SWT. Misalnya berkenaan hadith hati orang mukmin berada di antara *iṣba‘ayn* (dua jari), al-Nawawī berkata:

هذا من أحاديث الصفات وقد سبق فيها المذهبان التأویل  
والإمساك عنه مع الإيمان بما مع اعتقاد أنّ الظاهر منها غير مراد  
فعلى قول المتأولين يتأولون الأصياغ هنا على الاقتدار أي خلقها  
مع عظمها بلا تعب ولا ملل والناس يذكرون الإصبع في مثل هذا  
للمبالغة والاحتقار فيقول أحد هم بأصبعي أقتل زيداً أي لا كلفة  
عليّ في قتله وقيل يحتمل أن المراد أصياغ بعض مخلوقاته وهذا غير  
متنع والمقصود أنّ يد الجارحة مستحيلة

Terjemahan: "Ini merupakan sebahagian daripada hadith sifat dan telah pun dijelaskan bahawa terhadap dua mazhab dalam memahaminya iaitu takwil dan menahan diri daripada membincangkan maknanya dalam keadaan beriman dengannya serta meyakini bahawa makna zahirnya bukanlah makna yang dikehendaki. Maka menurut ulama yang mentakwil, mereka mentakwil maksud lafaz jari disini dengan makna kemampuan-Nya, iaitu penciptaan dan keagungan-Nya tanpa penat dan lesu. Masyarakat Arab mengungkapkan lafaz jari pada konteks sebegini untuk hiperbola dan menunjukkan tahap keremehannya. Justeru itu, mereka berkata: "Dengan jariku ini aku mampu membunuh Zaid." Maksudnya ialah tidak ada sebarang kesusahan buatku untuk membunuhnya. Terdapat pendapat yang menyatakan maknanya boleh ditanggung pada sebahagian

*makhluknya dan ia juga tidak mustahil pada hak-Nya. Adapun yang dimaksudkan ialah anggota tangan itulah yang mustahil.*<sup>67</sup>

Dalam membincangkan mengenai sifat *yadd* bagi Allah SWT, al-Nawawī turut berkata:

قوله صلى الله عليه وسلم إن الله عز وجل يبسط يده بالليل ليتوب  
مسيء النهار ويبسط يده بالنهار ليتوب مسيء الليل حتى تطلع  
الشمس من مغربها ولا يختص قبولها بوقت وقد سبقت المسألة  
في بسط اليد استعارة في قبول التوبة قال المازري المراد به قبول التوبة  
وإنما ورد لفظ بسط اليد لأن العرب إذا رضي أحدهم الشيء بسط  
يده لقبوله وإذا كرهه قبضها عنه فخوطبوا بأمر حسي يفهمونه وهو  
مجاز فإن يد الجارحة مستحبة في حق الله تعالى

Terjemahan: "Sabdaan Baginda SAW: "Sesungguhnya Allah SWT melebarkan *yadd* (tangan-Nya) pada malam hari untuk menerima taubat pelaku dosa di siang hari, dan melebarkannya pada siang hari untuk menerima taubat pelaku dosa di malam hari sehingga terbit matahari daripada arah barat." Penerimaan taubat-Nya tidak khusus pada manapun waktu. Permasalahan ini telah pun dijelaskan. Yang dimaksudkan dengan melebarkan tangan ialah suatu isti'ārah (metafora) pada penerima taubat. Al-Māzārī berkata: Maksud hadith ini ialah penerimaan taubat. Penggunaan lafaz melebarkan tangan itu kerana masyarakat Arab apabila mereka meredai sesuatu perkara, mereka akan melebarkan tangan mereka kerana menerimanya. Apabila mereka membenci sesuatu, mereka akan menggenggamnya. Hadith ini pun dituturkan kepada mereka dengan

<sup>67</sup> Al-Nawawī, *Sharah Ṣaḥīḥ Muslim*, 9:113.

*perumpamaan bersifat fizikal yang mereka fahami. Ia merupakan majāz. Sesungguhnya anggota tangan merupakan perkara yang mustahil pada hak Allah SWT.*"<sup>68</sup>

Melalui teks tersebut, dapat difahami dengan jelas bahawa al-Nawawī menerima konsep *ta'wīl* dan *majāz* serta penggunaannya dalam perkhabaran wahyu.

Namun berbeza perihalnya dalam *Risālah al-Kalām* yang didakwa sebagai tulisan beliau. Dalam kitab tersebut, penulisnya berkata:

فِلَمَا أَهْمَلُوا ذَلِكَ لَمْ يَتَعَرَّضُوا إِلَيْهِ، دَلَّ عَلَى اتِّفَاقِهِمْ مَا قَلَّنَا، وَلَا يَمْكُنُ  
إِطْبَاقُ جَمِيعِ الصَّحَابَةِ وَهُمْ نَقْلَةُ هَذَا الْعِلْمِ وَأَصْوَلُ الدِّينِ وَأَصْحَابُ  
الْعَرَبِيَّةِ وَاللُّسَانِ وَالْفَصَاحَةِ عَلَى اسْتِعْمَالِ الْمَجَازِ فِي صُورٍ لَا تَعْدُ وَلَا  
تَحْصَى

Terjemahan: "Apabila mereka mengabaikannya, mereka tidak membincangkannya. Ini secara tidak langsung menunjukkan mereka bersepakat pada makna yang kami katakan. Tidak mungkin untuk menyatakan kesemua sahabat -yang mana mereka merupakan penyebar ilmu ini, uṣūl al-dīn dan juga ahli bahasa Arab dan empunya lisan yang fasih- menggunakan *majāz* pada pelbagai bentuk ucapan yang tidak dapat dihitung banyaknya."<sup>69</sup>

<sup>68</sup> *Ibid.*, 17:76.

<sup>69</sup> Al-Nawawī (!), *Risālah al-Kalām*, 38.

Beliau turut berkata:

وَدُعُوا مِنْجَازٌ مَرْدُودٌ إِذْ هُوَ خَلَفُ الْأَصْلِ ثُمَّ كَيْفَ يَظْنُ بِالصَّحَابَةِ  
رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ وَهُمْ أَصْحَابُ الْعَرَبِيَّةِ وَأَهْلُ الْلُّغَةِ تَوَاطِئُهُمْ عَلَى  
استِعْمَالِ الْمِنْجَازِ فِي صُورٍ لَا تَعْدُ وَلَا تَحْصِي

Terjemahan: "*Dakwaan penggunaan majāz tertolak kerana ia bercanggah dengan penggunaan asal bagi lafaz. Lalu, bagaimana dapat disangkakan para sahabat -moga Allah meredai mereka- yang mana merupakan ahli bahasa Arab untuk bersepakat menggunakan majāz pada pelbagai bentuk ucapan yang tidak dapat dihitung?*"<sup>70</sup>

Beliau juga menegaskan:

بَلْ نَقُولُ: يَجِبُ أَنْ تَكُونُ الْحَقِيقَةُ مِرَادَةً مِنْ تِلْكَ الإِطْلَاقَاتِ  
الْمَذَكُورَةِ فِي الْأَخْبَارِ وَالآيَاتِ لِعَشْرِينِ وَجْهًا: الْأُولُّ: لَوْ لَمْ يَكُنْ الْمِرَادُ  
مَا ذَكَرْنَا، لِلزَّمْ مِنْ ذَلِكَ التَّلْبِيسَ مِنَ اللَّهِ تَعَالَى عَلَى نَبِيِّهِ صَلَّى اللَّهُ  
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذْ يَكُونُ مُصْرَحًا بِنَزْوِ كَلَامِهِ وَالْمِرَادُ غَيْرُهُ وَذَلِكَ مُحَالٌ  
فِي حَقِّ اللَّهِ تَعَالَى

Terjemahan: "*Bahkan kami katakan bahawa wajib segala ucapan wahyu tersebut diinginkan secara makna hakikatnya kerana 20 wajah: Pertamanya, seandainya maknanya bukanlah secara hakikat seperti yang kami sebutkan, ia akan menatijahkan pengkaburan makna daripada Allah SWT terhadap nabi-Nya SAW kerana Dia telah menjelaskan penurunan kalam-Nya namun Dia inginkan makna*

---

<sup>70</sup> *Ibid.*, 45.

*selain makna tersebut. Ini mustahil pada hak Allah SWT.*<sup>71</sup>

Melalui teks-teks ini, didapati bahawa penulis tidak menerima konsep *majāz* dalam isu penurunan al-Quran bahkan menurut beliau, seandainya wujud penggunaan *majāz* dalam wahyu secara spesifiknya mengenai isu ini, ia akan menatihahkan Allah SWT melakukan pengkaburan makna (*talbīs*) terhadap nabi-Nya. Beliau juga berhujahkan bahawa kemustahilan para sahabat untuk menggunakan *majāz* dalam pelbagai riwayat dan ucapan. Ucapan penulis ini bukan sahaja bercanggah dengan pendapat al-Nawawī dalam *Sharḥ Sahīh Muslim*, bahkan bercanggah dengan jumhur ahli bahasa Arab dan tafsir yang menerima konsep *majāz* dalam al-Quran dan al-Sunnah. Kenyataan ini jelas menunjukkan kejahilan penulis mengenai ilmu bahasa Arab.

### b) Menghina Ilmuwan Al-Ashā'irah dan Karya Mereka

Seperti yang telah dijelaskan pada awal kajian ini, al-Nawawī merupakan ilmuwan yang bermazhab al-Ashā'irah bahkan mengangkat tinggi martabat ilmuwan mazhab ini dengan menggelarkan mereka sebagai 'ulama kami' dan 'imam kami'. Namun ironinya dalam buku ini, penulisnya amat sinis terhadap mazhab al-Ashā'irah pada beberapa tempat. Antaranya seperti berikut:

والعجب أن كتب الأشاعرة مشحونة بأن كلام الله منزل على نبيه،  
ومكتوب في المصاحف، ومتلو بالألسنة على الحقيقة، ثم  
يقولون: المنزل هو عبارة، والمكتوب غير الكتابة، والمتلو غير التلاوة،  
ويشرعون في مناقضات ظاهرة وعقبات باردة ركيبة. ويكتفي في  
ضحد هذا المعتقد كونهم لا يستطيعون على التصرير به بل هم فيه  
على نحو من المراء

Terjemahan: "Beginu aneh bahawa kitab ilmuwan al-Ashā'irah dipenuhi dengan ucapan bahawa kalam

---

<sup>71</sup> Ibid.

*Allah itu diturunkan kepada nabi-Nya, ditulis di mushaf, ditilawahkan dengan lidah secara hakikat lalu mereka katakan bahawa yang diturunkan itu merupakan ungkapan, yang ditulis itu bukanlah penulisan, yang ditilawahkan itu bukanlah tilawah. Lalu mereka mula melakukan kontradiksi yang jelas dan ulasan yang lemah. Memadailah ketidakmampuan mereka untuk menjelaskannya sebagai bantahan terhadap keyakinan tersebut.*<sup>72</sup>

Melalui ucapan ini, didapati dengan jelas bahawa penulisnya seolah-olah mempunyai perseteruan dengan mazhab al-Ashā'irah sehingga menyifatkan pendapat mereka dalam isu ini sebagai pendapat yang aneh, mengandungi kontradiksi yang jelas serta penghujahan yang lemah. Penyifatan sedemikian tidak sesekali akan ditemui dalam mananya karya al-Nawawī melainkan pada buku ini seandainya diterima penisbahannya.

Ekoran itu, dapat dirumuskan bahawa kitab ini terbukti mengandungi kenyataan yang bercanggahan secara jelas dengan pendapat al-Nawawī dalam karyanya yang lain. Ini jelas menunjukkan bahawa penisbahan kitab ini kepada beliau amat diragui.

## KESIMPULAN

Setelah diteliti fakta dan maklumat yang dikemukakan, hasil kajian mendapati bahawa penisbahan kitab *Risālah al-Nawawī fī Kalām Allāh* kepada Muhyī al-Dīn al-Nawawī adalah tidak benar dan wajar diragui. Kenyataan dan maklumat yang terkandung dalam kitab tersebut tidak wajar dinisbahkan kepada al-Nawawī. Hal ini kerana seandainya diterima penisbahan kitab tersebut, didapati terdapat 'dua versi' al-Nawawī yang amat berbeza. Versi pertama ialah al-Nawawī yang amat tegas dalam periyawatan hadith dalam isu akidah dan hukum, kritis pendalilannya dan bermazhab al-Ashā'irah. Ini adalah al-Nawawī yang dikenali melalui *Sharḥ Sahīh Muslim*. Versi kedua ialah al-Nawawī yang mengambil ringan ataupun jahil mengenai periyawatan hadith, tidak

---

<sup>72</sup> *Ibid.*, 39.

kukuh pendalilannya dan bermazhab *Ghulāt al-Hanābilah*. Ini adalah al-Nawawī yang dikenali melalui kitab ini. Ironinya, kitab tersebut membincangkan permasalahan yang tidak pernah disebutkan oleh al-Nawawī dalam mana-mana karya beliau seperti pengisbatan huruf dan suara kepada kalam Allah bahkan ia ditulis sekitar tiga bulan sebelum kewafatannya.<sup>73</sup>

Perseteruan antara aliran al-Ashā'irah dan *Ghulāt al-Hanābilah* yang cenderung kepada *al-Karrāmiyyah* bukanlah perkara baru bahkan sudah lama sehingga membawa kepada usaha untuk mereka cipta hadith palsu dan menggunakan hadith lemah untuk membuktikan akidah mereka. Al-Nawawī sendiri mengakui bahawa sikap *al-Karrāmiyyah* yang suka melakukan hadith palsu bagi membela keyakinan mereka bahkan membenarkannya bagi urusan *al-targhib wa al-tarhib*.<sup>74</sup> Kajian yang dilakukan berkenaan polemik pentafsiran *maqām maḥmūd*, Umar Muhammad Noor turut membuktikan bahawa perseteruan antara kedua aliran ini merupakan faktor kewujudan penggunaan hadith lemah dan palsu untuk memenangkan aliran mereka.<sup>75</sup>

Kajian ini turut menyimpulkan bahawa al-Nawawī merupakan tokoh yang unggul dalam segenap bidang keilmuan Islam sehingga wujudnya pihak yang ingin 'menuntut' beliau sebagai imam dalam mazhab mereka. Hal ini sekali gus menunjukkan bahawa al-Ashā'irah merupakan mazhab yang ditarisi ilmuwan besar segenap bidang sehingga diakui sendiri pihak yang memusuhi mereka. Justeru itu, kelegitimasiyan al-Ashā'irah sebagai wakil keluarga besar Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah terus kekal relevan sehingga akhir zaman.

---

<sup>73</sup> Perkara ini dinyatakan dalam kitab tersebut. Rujuk *Ibid.*, 78.

<sup>74</sup> Al-Nawawī, *Sharah Ṣaḥīḥ Muslim*, 1:70.

<sup>75</sup> Umar Muhammad Noor, "Polemik Pentafsiran Maqām Maḥmūd dan Penolakan Antropomorfisme dalam Kalangan Ahli Sunnah: Maqām Maḥmūd Polemic and the Denunciation of Anthropomorphism in Sunni Islam." *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 23, no. 1 (2021): 1-48.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-Ghanī al-Daqr. *Al-Imām al-Nawawī*. Damsyik: Dār al-Qalam, 1994.
- Aḥmad bin ‘Adī, *al-Kāmil fī Du‘afā’ al-Rijāl*. ed. ‘Abd al-Fattāḥ. Beirut: al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997.
- Al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar Aḥmad bin ‘Alī. *Taqrīb al-Tahdhīb*. ed. Muḥammad ‘Awwamah. Syriah: Dār al-Rashīd, 1986.
- Al-‘Atṭār, ‘Alī bin Ibrāhīm. *Tuhfah al-Tālibīn fī Tarjamah al-Imām Muhyī al-Dīn*. Amman: Dār al-Atharīyyah , 2007.
- Al-Amīr al-Kabīr, Muḥammad bin Muḥammad. *Hāshiyah al-Amīr ‘alā Ithāf al-Murīd bi Jawharah al-Tawhīd*. ed. Anas al-Sharfawī, Damsyik: Dār al-Taqwā, 2023.
- Al-Bajūrī. *Tuhfah al-Murīd Sharḥ Jawharah al-Tawhīd*. ed. ‘Alī Jumu‘ah. Kaherah: Dār al-Salām, 2002.
- Al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn. *Al-Asmā’ wa al-Ṣifāt*. ed. ‘Abdullāh al-Hāshidī. Jeddah: Maktabah al-Sawādī, 1993.
- Al-Dhahabī, Muḥammad bin Ahmad. *Tārīkh al-Islām wa Wafayāt al-Mashāhīr al-A‘lām*. ed. Bashār ‘Iwād Ma‘rūf. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī, 2003.
- Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad. *Al-Iqtisād fī al-I‘tiqād*. ed. Anas al-Sharfawī. Beirut: Dār al-Minhāj, 2019.
- Al-Ghazālī, Muḥammad bin Muḥammad. *Al-Iqtisād Fī al-I‘tiqād*. ed. Muṣṭafā ‘Imrān. Kaherah: Dār al-Bashā’ir, 2008.
- Al-Haythamī, ‘Alī bin Abī Bakr. *Majma‘ al-Zawā’id wa Manba‘ al-Fawā’id*. ed. Ḥusām al-Dīn al-Qudsī. Kaherah: Maktabah al-Qudsī, 1994.
- Al-Jīlānī, ‘Abd al-Qādir bin Abī Ṣalih. *Al-Ghunya li Ṭalib Ṭariq al-Haq*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997.
- Al-Lālakā’ī, Hibbatullāh bin al-Ḥasan. *Sharḥ Uṣūl I‘tiqād Ahl al-Sunnah*. ed. Aḥmad bin Sa‘ad. Arab Saudi: Dār Ṭaybah, 2003.
- Al-Laqqānī, Burhān al-Dīn Ibrāhīm bin Ibrāhīm. *‘Umdah al-Murīd Sharḥ Jawharah al-Tawhīd*. ed. Jadallāh Bassām dan ‘Abd al-Manān al-Idrīsī. Amman: Dār al-Nūr, 2018.
- Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf al-Nawawī (!). *Risālah al-Nawawī fī Kalām Allāh*. ed. Aḥmad bin ‘Alī al-Dimyāṭī. Kaherah: Maktabah al-Anṣār, 2003.

- Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf. *Al-Majmū‘ Sharḥ al-Muhadhdhab*. Kaherah: Idārah al-Ṭibā‘ah al-Munīriyyah, 1347.
- Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf. *Al-Taqrīb wa al-Taysīr li Ma ‘rifah Sunan al-Bashīr al-Nadhīr fī Uṣūl al-Hadīth*. ed. Muḥammad ‘Uthmān. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, 1985.
- Al-Nawawī, Yaḥyā bin Sharaf. *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1392.
- Al-Sakhawī, Muḥammad, bin ‘Abd al-Rahmān. *Al-Manhal al-‘Adhub al-Rawī fī Tarjamah Quṭb al-Awliyā’ al-Nawawī*. t.tp: Waqfiyyah al-’Amīr Ghāzī li al-Fikr al-Qur’ānī, t.t.
- Al-Sanūsī, Muḥammad bin Yūsuf. *Mukammil Ikmāl al-Ikmāl*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, t.t.
- Al-Sanūsī, Muḥammad bin Yūsuf. *Sharḥ al-Muqaddimāt*. ed. Anas al-Sharfawī. Damsyik: Dār al-Taqwā, 2019.
- Al-Ṭabarānī, Sulaymān bin Aḥmad. *Al-Mu‘jam al-Awsat*. ed. Tāriq bin ‘Iwād Allāh. Kaherah: Dār al-Ḥaramayn, 1995.
- Al-Ṭabarānī, Sulaymān bin Aḥmad. *Al-Mu‘jam al-Kabīr*. ed. Ḥamdī ‘Abd al-Majīd. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyah, 1994.
- Al-Taftazānī, Maṣ‘ūd bin ‘Umar. *Sharḥ al-‘Aqā’id al-Nasafiyyah*. ed. Anas al-Sharfawī. Damsyik: Dār al-Taqwā, 2020.
- Amin, Mohd Saiful Aqil Naim Saful, and Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. "Pendirian Akidah Muhyī Al-Dīn Al-Nawawī Dalam Polemik Ru'yah Allāh Berdasarkan Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim: Muhyī Al-Dīn Al-Nawawī's Position on the Polemic of Ru'yah Allāh Based on Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim." *Online Journal of Research in Islamic Studies* 10, no. 1 (2023).
- Amir, Ahmad Nabil. "Imam Al-Nawawi: Riwayat Ringkas Tentang Latar Pemikiran Dan Pengaruhnya." *Journal of Islam and Contemporary Affairs* 2, no. 1 (2022): 17-38.
- Ibn Abī ‘Āsim, Aḥmad bin ‘Amr. *Al-Sunnah*. ed. Nāṣir al-Dīn al-Albānī. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1400.
- Ibn Jawzī, ‘Abd al-Rahmān bin ‘Alī. *Al-Mawdū‘āt*. ed. ‘Abd al-Rahmān ‘Uthmān. Madinah: al-Maktabah al-Salafiyyah, 1968.
- Ibn Kathīr, Ismā‘īl bin ‘Umar. *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. ed. ‘Abdullāh al-Turkī. Riyad: Dār Hajar, 1998.
- Ibn Khuzaymah, Muḥammad bin Ishāq. *Al-Tawḥīd*. ed. ‘Abd al-‘Azīz bin Ibrāhīm. Riyad: Maktabah al-Rushd, 1994.

Analisis Penisbahan *Risālah Al-Nawawī Fī Kalām Allāh* Kepada Muhyī Al-Dīn Al-Nawawī

- Ibn Taymiyyah, Aḥmad bin ‘Abd Ḥalīm. *Majmū‘ al-Fatāwā*. Madinah: Majma‘ al-Malik Fahd li Ṭibā‘ah al-Muṣṭafā al-Sharīf, 2004.
- Mohd Saiful Aqil Naim Saful Amin al-Ṣiddīqī. *Huraian dan Syarah ‘Aqīdah Ahli Sunnah Di Sisi al-Imām al-Nawawī*. Kuala Lumpur: Nizamiyah Institute, 2022.
- Muhammad bin Ḥibbān, *al-Majrūhīn min al-Muhaddithīn wa al-Du‘afā’ wa al-Matrūkīn*. ed. Muḥammad bin Ibrāhīm. Aleppo: Dār al-Wa‘i, 1396.
- Noor, Umar Muhammad. "Polemik Pentafsiran Maqām Maḥmūd dan Penolakan Antropomorfisme dalam Kalangan Ahli Sunnah: Maqām Maḥmūd Polemic and the Denunciation of Anthropomorphism in Sunni Islam." *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 23, no. 1 (2021): 1-48.
- Sa‘īd ‘Abd al-Laṭīf Fūdah. *Naqd Juz’ fī Qidam al-Ḥurūf al-Mansūb li al-Imām al-Nawawī*. T.tp: t.p, t.t.p.